




A Better Future for all Malaysians



## JARGON KAD KREDIT DI MALAYSIA YANG ANDA PERLU KETAHUI




### ADAKAH ANDA MEMILIKI KAD KREDIT?

Maka anda perlu mengetahui bagaimana faedah kad kredit berfungsi. Apabila anda melakukan pembelian dan tidak membayar jumlah sepenuhnya dalam tempoh tertentu (biasanya 20 hari), bank anda akan mengenakan bayaran faedah.

Di sini ia menjadi lebih rumit -  
**KADAR FAEDAH  
TERDIRI DARIPADA  
BEBERAPA JENIS.**

---

Ingin tahu bagaimana ia mempengaruhi anda?  
Teruskan membaca untuk mengetahui jawapannya.



## **KADAR FAEDAH TAHUNAN**

---

Kadar faedah ke atas kad kredit anda (contohnya, 15% setahun) ialah kadar faedah tahunan yang anda perlu bayar apabila anda membawa apa-apa lebihan baki pada kad kredit anda. Ini adalah nombor yang ditunjukkan dalam perjanjian kad kredit anda, atau pada laman perbandingan kad kredit.

## FAEDAH HARIAN

---

Sesetengah pengeluar kad kredit mengira caj faedah anda pada dasar harian. Faedah harian anda dikira dengan mengambil kadar faedah tahunan kad kredit anda dibahagikan dengan bilangan hari dalam setahun (365), dan menggunakannya pada baki kad kredit anda.



## KADAR FAEDAH BERKESAN (EIR)

---

Jadi anda tahu kadar faedah yang diiklankan akan menunjukkan jumlah faedah yang dikenakan jika anda membawa lebihan baki pada kad kredit anda. Namun anda mungkin membayar lebih banyak faedah daripada apa yang diiklankan.

Berkuatkuasa 6hb Ogos 2019, apa-apa baki yang tidak dibayar dalam akaun kad kredit anda termasuk caj faedah terdahulu akan dikenakan faedah juga. Oleh itu, cara yang lebih tepat untuk mengira caj faedah / kewangan sebenar adalah dengan mendapatkan kadar faedah efektif (EIR).

Berikut adalah contoh perhitungan EIR:

### Bulan 1

|                              |                 |
|------------------------------|-----------------|
| (A) PERBELANJAAN             | 1,000.00        |
| (B) FAEDAH (1.25% / SEBULAN) | 12.50           |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>1,012.50</b> |

### BULAN 2

|                                         |                 |
|-----------------------------------------|-----------------|
| BAKI DIBAWA KE HADAPAN                  | 1,012.50        |
| (C) PERBELANJAAN                        | 500.00          |
| (D) FAEDAH (1.25% / SEBULAN)            | 18.91           |
| <b>JUMLAH</b>                           | <b>1,532.41</b> |
| (E) JUMLAH PERBELANJAAN (A) + (C)       | 1,500.00        |
| (F) JUMLAH FAEDAH YANG HUTANG (B) + (D) | 31.41           |
| KADAR FAEDAH BERKESAN (F) / (E)         | 2.09%           |

Contoh di atas menunjukkan bahawa walaupun mempunyai bunga bulanan sebanyak 1.25%, EIR sebenarnya 2.09% pada bulan ke-2 kerana baki tidak dibayar dari bulan sebelumnya. Oleh itu, penting untuk membayar bil kad kredit anda secara penuh dan tepat pada waktunya.

## **Apakah istilah kewangan lain yang mengelirukan anda?**

**Terdapat banyak istilah kewangan yang mengelirukan, dan kadar faedah kad kredit hanya sebahagian kecil daripadanya. Tetapi jangan risau, kami telah memberi penjelasan untuk beberapa lagi jargon kewangan yang biasa digunakan dalam bahasa yang mudah dibaca untuk anda.**

**Ketahui kedudukan kewangan anda! Dapatkan laporan skor kredit anda dan tip untuk meningkatkan kesihatan kewangan daripada Hong Leong Bank dan iMoney.**

**Klik di sini untuk  
istilah umum kewangan**

**Klik di sini untuk ketahui  
istilah apabila memohon  
pinjaman rumah.**